

Tindakan rasional Singapura hormati undang-undang antarabangsa

PANDANGAN



DR NORSHAHRI SAAT

BARU-BARU ini, dunia dikejutkan dengan tindakan Presiden Amerika Syarikat Encik Donald Trump yang menamakan Baitulmakdis (Jerusalem) sebagai ibu kota Israel. Beliau juga mahu mengalih kedutaan Amerika di Israel dari Tel Aviv ke sana.

Keputusan Encik Trump itu berbeza dengan presiden-presiden Amerika sebelum ini yang lebih selesa menanggung pengalihan tersebut. Tindakan Encik Trump itu menepati janji-janjinya semasa kempen pilihanraya Presiden Amerika pada akhir 2016.

Keputusan Amerika itu dibantah keras oleh masyarakat antarabangsa, bukan hanya oleh negara-negara Arab dan Islam, malah sesetengah negara Eropah yang boleh dianggap sebagai sekutu Amerika selama ini.

Kelakuan Encik Trump ini melambangkan dasar luar Amerika yang semakin memencilkan diri dalam arena antarabangsa. Malah, cara Amerika yang cuba mengancam dunia agar menyokong keputusannya memaksa sekutu-sekutu tradisinya memikir-ulang dasar luar dan strategik masing-masing.

Kota suci Baitulmakdis

Baitulmakdis merupakan kota suci bagi tiga agama Ibrahimiah (*Abrahamic faith*): Yahudi, Kristian dan Islam.

Menurut sejarah sepanjang ribuan tahun, kota itu telah bertukar tangan diantara ketiga-tiga agama tersebut.

Pada 1917, Britain mengisytiharkan Deklarasi Balfour yang menyatakan pembentukan sebuah kawasan untuk bangsa Yahudi di Palestin, yang pada masa itu masih sebuah wilayah Ottoman. Penubuhan negara Israel hanya berlaku pada 1948 setelah selesainya Perang Dunia Kedua.

Sejak 1967, Israel menakluk bahagian timur kota tersebut dalam satu serangan ofensif terhadap negara-negara Arab yang disebut sebagai Peperangan Enam Hari.

Bahagian timur Baitulmakdis itulah yang diharapkan pemimpin-pemimpin Arab akan menjadi ibu kota Palestin satu hari nanti.

Imej Amerika terjejas

Selama ini, Amerika dianggap sebuah negara bebas yang mengamalkan demokrasi secara liberal. Walau bagaimanapun, dasar-dasar Encik Trump sejauh ini mengubah persepsi dunia terhadap Amerika sebagai lambang demokrasi dan neo-liberal.

Amerika seakan-akan mahu memencilkan diri seperti tindakannya menarik diri daripada perjanjian TPP (Kerjasama Rentas Pasifik) kerana melihatnya sebagai mengancam pekerjaan rakyat Amerika dan merugikan kepentingan Amerika.

Setelah sekian lama Amerika dilihat sebagai orang tengah dalam krisis Israel dan Palestin, ia kini seperti berat sebelah dan berpihak.

Masyarakat antarabangsa mengharapkan kuasa dunia seperti Amerika boleh merealisasikan solusi dua negara merdeka Israel dan Palestin.

Tindakan Amerika mengiktiraf Baitulmakdis sebagai ibukota Israel memusnahkan harapan itu. Ameri-

ka bersifat unilateral, dan mengetepikan negara-negara Arab atau Palestin.

Bukan itu sahaja, Encik Trump mengancam menarik balik bantuan kewangan kepada negara-negara yang tidak menyokong usulannya itu. Itu amalan negara kuku besi. Duta Amerika ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Cik Nikki Haley, berjanji akan mencatat nama-nama negara yang tidak mengundi selaras dengan pendirian Amerika.

Sebaliknya, sebanyak 128 negara mengundi menolak resolusi Amerika itu dan 35 negara lagi tidak menyatakan pendirian. Ini tamparan hebat bagi Amerika.

Yang lebih mengejutkan lagi, negara-negara yang dianggap sekutu kuat Amerika, seperti Britain, Germany, Jepun dan Perancis, juga menolak Amerika. Singapura juga mengambil pendirian tegas menolak langkah Amerika itu.

Sebelum itu, cadangan Amerika juga ditolak anggota Majlis Keselamatan PBB dengan 14 anggota lain tidak bersetuju dengan Amerika.

Pengaruh Amerika terbahagi dua

Setelah berakhirnya perang dingin pada 1989, dan dengan kejatuhan ideologi komunis di Russia, Amerika telah mendominasi dunia sebagai satu kuasa hegemoni. Kedudukan berpengaruh Amerika ini mencorak dunia unipolar.

Namun pengaruh Amerika semakin menipis kerana wujudnya "pemain-pemain" baru dalam arena politik antarabangsa. Amerika mesti membuat penilaian strategik, sama ada memberi perhatian kepada Timur Tengah atau Asia Pasifik dan ia harus memilih antara satu.

Di rantau Asia, dinamika politik antarabangsa mula berubah dengan kebangkitan China dan kuasa-kuasa

sederhana di rantau ini seperti Korea Selatan, Jepun, dan Australia.

Malah krisis nuklear di Korea Utara telah menyebabkan kuasa-kuasa sederhana menimbang semula dasar-dasar strategik mereka dengan Amerika.

Situasi di Timur Tengah dan negara-negara Islam di Afrika juga amat kompleks buat Amerika dan sekutu-sekutu kuatnya seperti Arab Saudi dengan munculnya masalah-masalah baru. Kini, beberapa negara di Timur Tengah seperti di Yemen dan Syria masih dibelenggu perang saudara, dan negara pasca-Musim Semi Arab (*Arab Spring*) seperti Mesir, Tunisia, dan Libya masih belum stabil.

Negara-negara Arab juga bermusuhan antara satu sama lain: sebagai contoh, Arab Saudi masih bermusuhan dengan Qatar. Kini, Amerika dan Israel berdepan dengan kebangkitan Iran yang menjadi pencabar kedudukan Arab Saudi.

Malah, tindakan Amerika dalam isu Baitulmakdis ini berpotensi menyisihkan sekutu-sekutunya seperti Arab Saudi. Tekanan domestik di negara-negara Arab merugikan Amerika kerana ia boleh mendorong masyarakat Islam yang sederhana ke arah radikalisme.

Hormati sentimen antarabangsa

Apakah yang harus dilakukan oleh negara-negara kecil seperti Singapura dalam menghadapi keadaan tidak menentu di arena antarabangsa ini?

Dengan munculnya dunia bipolar di mana Amerika bersaing dengan China, dan wujudnya kuasa-kuasa sederhana, ada negara-negara kecil yang terpaksa memilih antara salah satu daripada kuasa besar itu: sama ada Amerika atau China.

Sebagai bukti, semasa mengundi dalam isu Baitulmakdis ini, ada be-

berapa negara kecil yang patuh kepada Amerika, seperti Togo, Micronesia, Guatemala, Nauru, Palau, Marshall Islands, dan Honduras.

Walaupun Singapura sebagai negara kecil, ia tetap dengan prinsipnya dalam menghormati undang-undang antarabangsa dan sentimen masyarakat dunia.

Dasar luar Singapura tidak tunduk pada kuasa besar. Malah rakyat Singapura dan masyarakat Islam amat yakin dengan pendirian pemerintah dan mereka bertindak secara rasional.

Tidak seperti negara-negara lain, di mana ada protes besar-besaran diadakan sebagai membantah tindakan Amerika, masyarakat Islam di Singapura bersabar kerana yakin suara mereka dapat dilontarkan lewat usaha-usaha diplomatik. Masyarakat Islam di sini juga mengadakan doa demi keselamatan Timur Tengah.

Yang penting sekali, Singapura terus bertindak secara konsisten dan terus melobi agar undang-undang antarabangsa dihormati atau kod-kod etika antara negara dikemaskini.

Hal ini perlu terjalin dalam setiap isu, baik di Timur Tengah, Laut Cina Selatan, atau hubungan dua hala dengan negara-negara jiran Malaysia dan Indonesia.

Singapura tidak bermusuhan dengan mana-mana negara, tetapi memastikan bahawa walaupun ia sebuah negara kecil, ia berdaulat, dan mampu melakarkan dasar luar demi kepentingannya sendiri.

Dr Norshahril Saat, Zamil Institut ISEAS-Yusof Ishak dan Pensyarah Sambilan (Adjunct Lecturer) di Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura (NUS). Beliau juga Timbalan Pengerusi Yayasan Warisan Melayu Singapura (MHF).